

**Laporan GTP/ETP: Najib Kongsi Kisah Kejayaan Enam Individu
Bernama
May 12, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Dr Artiran Kaur, Selvestone Junit, Wilson Bato Anak Tanggai, Chandrasekaran, Chaang Tuck Cheong dan Zulsuzina Sharif merupakan insan bertuah yang mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib berkongsi kisah kejayaan mereka dalam program kerajaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) semasa melancarkan Laporan Tahunan GTP dan ETP di Wisma Angkasapuri di ibu negara, Isnin malam.

Beliau berkata Chandrasekaran yang mengusahakan gerai makanan termasuk menjual mee rebus di Melaka di bawah program Azam Tani adalah contoh kejayaan program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.

"Beliau pernah diserang angin ahmar menyebabkannya tidak dapat bertutur dengan jelas walaupun keadaan kesihatan semakin baik. Namun begitu, beliau dan isteri tidak menjadikannya sebagai halangan untuk berusaha kuat dengan menjual cendol dan ais kacang di atas basikal beroda tiga bagi menyara lapan anggota keluarga.

"Kehidupan mereka kini berubah setelah menyertai program Azam Tani di mana pendapatan harian saudara Chandrasekaran semakin bertambah dua kali ganda daripada sebelumnya," kata Najib.

Najib juga berkongsi kisah Selvestone dari Kota Marudu, Sabah yang mempunyai minat mendalam terhadap industri ekopelancongan dan ingin membina pusat peranginan bagi membolehkan pelancong asing menikmati keindahan kampung halamannya selain mewujudkan peluang pekerjaan.

"Di bawah NKRA mempertingkatkan pembangunan luar bandar, Selvestone telah memenangi Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar kelolaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan diberikan modal permulaan sebanyak RM500,000 untuk melaksanakan model perniagaannya.

"Kini pusat peranginan yang dinamakan 'Panorama Paradise Resort' merupakan pusat peranginan ekosemulajadi pertama di Kota Marudu, malah saya diberitahu bahawa pusat peranginan beliau juga boleh ditempah melalui Facebook dan sedang mendapat sambutan menggalakkan," kata Perdana Menteri.

Najib yang juga Menteri Kewangan menceritakan kisah Wilson dan komuniti rumah panjang yang didiami mereka di Sri Aman Sarawak yang kini menikmati infrastruktur lebih selesa dan baik seperti perumahan dilengkapi bekalan air dan jalan raya, sekaligus meningkatkan taraf sosioekonomi selepas ditimpa tragedi kebakaran.

Perdana Menteri dalam ucapannya memuji dan mengucapkan tahniah kepada Dr Artiran yang berbakti kepada rakyat dan mengambil peluang membuka klinik sendiri di bawah program Klinik 1Malaysia, selari dengan hasrat Dr Artiran untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat.

"Apabila beliau ditawarkan peluang untuk menjadi sebahagian daripada program ini, beliau bersetuju untuk menjayakannya dan setiap hari klinik beliau di Lembah Subang di Selangor memberi perkhidmatan kepada pesakit daripada pelbagai latar belakang," katanya sambil menambah tindakan itu harus dijadikan contoh kepada semua.

Merujuk kepada Program Transformasi Kedai Runcit (Tukar) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Najib menceritakan kisah Chaang yang mana perniagaan kedai serbanekanya di Cheras, Kuala Lumpur, berwajah baharu dan semakin maju selepas menerima khidmat nasihat daripada wakil rantaian pasaraya besar bagaimana mahu menarik lebih ramai pelanggan dan bagaimana untuk mendapat pinjaman.

Perdana Menteri juga berkongsi kisah Zulsuzina dan suaminya yang berjaya mengubah kehidupan selepas mengikuti program Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak serta Program Bantuan Yuran di bawah NKEA Pendidikan.

"Pendapatan isi rumah mereka (Zulsuzina dan suami) sebanyak RM2,200 sebulan dan hanya mencukupi untuk perbelanjaan keperluan asas sahaja. Melalui program Bantuan Yuran Pusat Awal Penjagaan Kanak-Kanak, Zulsuzina telah membuka pusat penjagaan kanak-kanak bagi meningkatkan pendapatan keluarga di samping memberi didikan awal kepada dua anaknya," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037832>